



DR. 10 TAHUN 2021  
DEWAN RAKYAT YANG KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA



LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
(MOT) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN  
BERHUBUNG**

**PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD  
KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)**



#### AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN PENGGAL KE 14

- |     |   |   |
|-----|---|---|
| 1.  | YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]                        | <i>- Pengerusi</i>                                    |
| 2.  | YB. Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]          | <i>- Naib Pengerusi</i>                               |
| 3.  | YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]         |   |
| 4.  | YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]                             |   |
| 5.  | YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam] |   |
| 6.  | YB. Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli [Lumut]        |   |
| 7.  | YB. Tuan Ahmad Fadhlil bin Shaari [Pasir Mas]             |   |
| 8.  | YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]                 |   |
| 9.  | YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]                    |   |
| 10. | YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]              |   |
| 11. | YB. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]     |   |
| 12. | YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]             |   |
| 13. | YB. Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat]                     |   |
| 14. | YB. Dato Haji Salim Sharif [Jempol]                       |   |
| 15. | YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin                    | <i>- Setiausaha PAC /<br/>Setiausaha Dewan Rakyat</i> |

#### WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Unit Perancang Ekonomi (EPU)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Jabatan Audit Negara (JAN)
5. Jabatan Peguam Negara (AGC)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM)

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG  
NEGARA (PAC) PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
(MOT) BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN**

BIL	PERKARA	MUKA SURAT
1	<b>LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)</b>	1 - 3
2	<b>TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA (KPM) BAGI SYOR- SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN BERHUBUNG PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP) (DR10/2021)</b>	4 - 11

**LAPORAN JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN BERHUBUNG SISTEM  
KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DA  
REKOD KEMASUKAN  
KENDERAAN ASING (VEP)**



**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)  
PARLIMEN**

**TERHADAP TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN (MOT) BAGI SYOR-SYOR  
LAPORAN PAC PARLIMEN  
BERHUBUNG**

**PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC)  
DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)**

**1. LATAR BELAKANG**

- 1.1 Melalui mandat yang diberikan di bawah Perkara 77(1)(c) dan 83(2) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat, PAC Parlimen telah membincangkan mengenai Projek Sistem Kutipan Caj Jalan / *Road Charges* (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing / *Vehicle Entry Permit* (VEP) oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) pada 20 Februari, 27 Mac, 3 April, 3 September dan 23 Oktober 2019 iaitu dalam prosiding Bil. 4/2019, Bil. 8/2019, Bil. 7/2019, Bil. 32/2019 dan Bil. 39/2019.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 2/2020) BERHUBUNG  
PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)**

- 1.2 Isu ini adalah merupakan sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 dan dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018.
- 1.3 Dalam prosiding berkenaan, PAC Parlimen telah memanggil pihak-pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam Projek Sistem Kutipan Caj Jalan dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing iaitu Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan, mantan Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pengangkutan dan mantan Menteri Pengangkutan untuk memberi keterangan mengenai peranan dan penglibatan mereka dalam isu yang dibincangkan.
- 1.4 Pada 10 November 2020 Jawatankuasa ini, membentangkan Laporan PAC Parlimen Keempat Belas Berhubung Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) Dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) Di Bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) di Dewan Rakyat.
- 1.5 Dalam laporan berkenaan, PAC Parlimen telah mengemukakan rumusan dan tiga (3) syor yang perlu diambil tindakan oleh MOF/MOT.
- 1.6 Berdasarkan Arahan Perbendaharaan 304(b) menetapkan bahawa tindakan-tindakan berikut perlu diambil MOF/MOT terhadap syor-syor PAC selepas Laporan PAC Parlimen dibentangkan di Dewan Rakyat:
  - i. MOF pada masa hadapan perlu memastikan semua keputusan rundingan terus adalah disokong dengan justifikasi yang kukuh. Agensi penguatkuasa termasuk SPRM memberi perhatian berkenaan rumusan-rumusan di atas dan membuat siasatan yang sewajarnya.
  - ii. Ahli Parlimen perlu mengisyiharkan kepentingan perniagaan kepada Kementerian yang bertanggungjawab sekiranya perniagaan tersebut membabitkan projek kerajaan.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 2/2020) BERHUBUNG  
PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)**

- iii. Kerajaan perlu memastikan bahawa tiada lagi sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana projek yang sepatutnya melalui proses penilaian menerusi Jawatankuasa di peringkat Kementerian, termasuk Makmal Pengurusan Nilai dan penilaian Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) MAMPU.
- 1.7 Sehubungan dengan itu, MOF bersama-sama dengan MOT telah memberikan taklimat berhubung Maklumbalas Tindakan Pegawai Pengawal Kementerian Pengangkutan Ke Atas Syor-Syor Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara Prosiding DR2/2020 di hadapan PAC Parlimen pada 4 Oktober 2021.
- 2. PENDAHULUAN**
- 2.1 Pengurusan Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) Dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) oleh MOT ialah sebahagian daripada isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2 dan dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018.
- 2.2 Prosiding PAC yang telah diadakan adalah seperti berikut:

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
1.	20 Februari 2019 / 9.00 pagi	Bil. 4/2019	YBhg. Datuk Mohd Khairul Adib Bin Abd Rahman [Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)]
2.	27 Mac 2019 / 2.30 petang	Bil. 8/2019	YBhg. Dato' Sri Liow Tiong Lai (Mantan Menteri Pengangkutan Malaysia)
3.	3 April 2019 / 2.30 petang	Bil.7/2019	YBhg. Datuk Seri Dr. Ismail Bakar [Mantan Ketua Setiausaha, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT)]
4.	3 September 2019 / 2.30 petang	Bil.32/2019	YBhg. Datuk Seri Wee Jeck Seng [Mantan Ahli Parliment Tanjung Piai dan Mantan Pemegang Saham TC Sens Sdn. Bhd.]

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 2/2020) BERHUBUNG  
PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)**

BIL.	TARIKH / MASA	RUJUKAN PROSIDING	SAKSI
5.	23 Oktober 2019 / 2.30 petang	Bil.39/2019	YBrs. Tuan Tan Chean Suan [Ketua Pegawai Eksekutif, TC Sens Sdn. Bhd.]

- 2.3 Laporan PAC Parlimen Keempat Belas Berhubung Projek Sistem Kutipan Cukai Jalan (RC) Dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) Di Bawah Kementerian Pengangkutan (MOT) telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 10 November 2020. Surat PAC bertarikh 24 November 2020 [rujukan PAR/PAC 3/25/15 (47) telah mengemukakan rumusan dan syor-syor berhubung Laporan PAC Parlimen DR. 2/2020 dan berkehendakkan tindakan susulan dari MOF/MOT.
- 2.4 MOT mengemukakan Laporan Interim Maklum Balas melalui surat rujukan KP/BD/PJ/0.9/3 Jld. 37(3) pada 21 Disember 2020. Manakala MOF melalui surat rujukan MOF BKSK (R) 600-7/1/3 JLD 4 (12) bertarikh 19 Ogos 2021 telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOT ke Atas Syor-syor Laporan PAC Parlimen DR. 2/2020.

**TINDAKAN SUSULAN  
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
(MOT)**

**BAGI SYOR-SYOR LAPORAN  
JAWATANKUASA  
KIRA-KIRA WANG NEGARA  
(PAC) PARLIMEN DR10/2021**

### 3. TINDAKAN SUSULAN KE ATAS SYOR-SYOR PAC PARLIMEN

3.1. Syor 1: MOF pada masa hadapan perlu memastikan semua keputusan rundingan terus adalah disokong dengan justifikasi yang kukuh. Agensi penguatkuasa termasuk Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memberi perhatian berkenaan rumusan-rumusan di atas dan membuat siasatan yang sewajarnya.

#### Maklum Balas MOF

- 3.1.1 Pada asalnya iaitu 18 Disember 2014, MOF telah meluluskan permohonan MOT untuk perolehan secara tender terbuka (RFP). Tetapi pada 27 Mac 2015, MJM memutuskan supaya pelaksanaan dibuat secara tender terbuka. Pada 24 Jun 2015, MOT mengemukakan permohonan untuk rundingan terus melalui surat mantan Yang Berhormat Menteri kepada mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Pada 10 Julai 2015, MOF telah mengangkat perkara ini untuk pertimbangan Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Hanya MOF yang meluluskan manakala MOT hanya memperakukan permohonan kepada MOF. Pada Julai 2015, permohonan runding terus telah diluluskan oleh MOF.
- 3.1.2 Oleh itu, MOF telah memberi komitmen untuk memastikan permohonan pengecualian dari tatacara perolehan semasa (Rundingan Terus) adalah berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan di bawah Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Rundingan Terus (PP/PK7.15) sahaja kecuali bagi program khusus yang telah dikenalpasti dan diluluskan oleh Kerajaan.

## **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum berkenaan dengan komitmen MOF yang dinyatakan dalam Perenggan 3.1.2 di atas. PAC berpendapat komitmen tersebut hendaklah disampaikan kepada menteri-menteri yang lain. PAC juga mengambil maklum penjelasan MOF bahawa rundingan terus bukan merupakan suatu kaedah perolehan, tetapi hanya sekadar suatu pengecualian dalam kaedah perolehan.

PAC juga mengambil maklum bahawa MOT tidak ada menerima sebarang surat sokongan daripada ahli politik bagi projek-projek yang akan dijalankan. PAC mahu amalan surat sokongan ahli politik dalam proses perolehan Kerajaan dihentikan sama sekali di semua kementerian.

## **Maklum Balas SPRM**

- 3.1.3 SPRM telah membuka sejumlah tiga (3) siasatan. Dua daripadanya dibuka pada tahun 2019 atas Seksyen 18 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia berkaitan dengan tuntutan palsu. Bukti yang didapati daripada kertas penyiasatan awal mendapati bahawa tiada perlakuan atau perbuatan tuntutan palsu. Siasatan berakhir dengan *no further action*.
  
- 3.1.4 Pada tahun 2021, SPRM telah membuka satu lagi kertas siasatan atas Seksyen 168 Kanun Keseksaan berkaitan dengan penjawat awam yang mengambil bahagian dalam perniagaan menyalahi undang-undang. Siasatan ini memfokuskan kepada Yang Berhormat Tanjung Piai, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng sebagai mantan pemegang saham TC Sens Sdn. Bhd. dan masih dalam siasatan sehingga kini.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 2/2020) BERHUBUNG  
PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)**

**Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum status penyiasatan SPRM seperti yang dinyatakan di atas.

**Maklum Balas MOT**

Tanggungjawab selaku pegawai pengawal adalah untuk menasihati Yang Berhormat Menteri agar perkara-perkara yang melibatkan projek terutamanya dalam rundingan terus perlu mengikuti seperti mana yang tertera dalam PP/PK7.15. MOT memperakukan dan membuat penilaian terlebih dahulu sama ada projek menepati lima (5) perkara atau situasi yang membolehkan rundingan terus dilaksanakan.

**Ulasan PAC**

PAC mendapatkan penjelasan lanjut sama ada terdapat kontrak atau projek yang signifikan di mana rundingan terus telah dilaksanakan. MOT telah menjelaskan bahawa terdapat lebih kurang 96 buah projek di bawah MOT yang bernilai lebih kurang RM4.6 bilion. MOT telah memohon untuk mendapat kelulusan daripada MOF iaitu enam (6) buah projek yang telah mendapat kelulusan untuk pelaksanaan rundingan terus.

- 3.2. **Syor 2: Ahli Parliment perlu mengisyiharkan kepentingan perniagaan kepada Kementerian sekiranya perniagaan tersebut membabitkan projek Kerajaan.**

#### **Maklum Balas MOF**

Selaras dengan inisiatif 3.2.11 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2025, MOF sedang melaksanakan kajian untuk mewajibkan pengisyiharan pemunya benefisial (*Beneficial Ownership* – BO) oleh petender/ syarikat yang dianugerahkan kontrak perolehan Kerajaan berdasarkan garis panduan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Oleh itu, pelaksanaan inisiatif ini diharap dapat menyelesaikan isu ketelusan dan integriti dalam perolehan/projek Kerajaan.

#### **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap perkembangan di atas dan mengkehendaki pematuhan inisiatif NACP pada setiap masa.

#### **Maklum Balas MOT**

MOT menyokong usaha ini bagi meningkatkan ketelusan dalam proses perolehan Kerajaan. Pihak MOT melalui Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Pengangkutan 2020-2025 juga telah menggariskan strategi bagi menangani campur tangan politik dan pihak luar. Antara inisiatif yang telah dilaksanakan adalah pembangunan polisi bagi melarang penggunaan surat sokongan ahli politik atau berpengaruh dalam urusan Kementerian.

### **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap perkembangan di atas. PAC mahu amalan surat sokongan ahli politik dalam proses perolehan Kerajaan dihentikan sama sekali di semua kementerian.

- 3.3 **Syor 3: Kerajaan perlu memastikan bahawa tiada lagi sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana projek yang sepatutnya melalui proses penilaian menerusi Jawatankuasa di peringkat Kementerian, termasuk Makmal Pengurusan Nilai dan Penilaian Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) MAMPU.**

### **Maklum Balas MOF**

- 3.3.1 MOF mengambil maklum bahawa pengecualian telah diputuskan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri (MJM) bertarikh 2 September 2015 dan supaya pelaksanaan sistem dimulakan mulai 1 Oktober 2015.
- 3.3.2 MOF mengambil akan pengesyoran yang diberikan oleh PAC dan akan berusaha untuk memastikan agar setiap pertimbangan pengecualian masih mengambil kira elemen tadbir urus baik (*good governance practices*) serta mematuhi prinsip perolehan Kerajaan iaitu akauntabiliti, diuruskan dengan telus, memberi nilai faedah terbaik, persaingan terbuka dan adil dan saksama.

### **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap tindakan di atas.

### **Maklum Balas Unit Perancang Ekonomi (EPU)**

Secara dasarnya, EPU, JPM mengambil maklum bahawa proses penilaian program/projek melalui Jawatankuasa peringkat Kementerian adalah penting bagi memastikan pelaburan Kerajaan dalam setiap program/projek mencapai *valur-for-money* serta objektif dan *outcome* yang ditetapkan.

### **Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap perkara di atas.

### **Maklum Balas Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)**

3.3.3 MAMPU bersetuju bahawa Projek ICT Sektor Awam perlu melalui tiga (3) proses penilaian utama di mana-mana berkenaan sebelum sesuatu projek tersebut boleh dilaksanakan iaitu:

3.3.3.1 Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian (JPIC) – kelulusan JPIC di peringkat Kementerian adalah perlu bagi sesuatu cadangan Projek ICT sebelum melalui penilaian oleh Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA).

3.3.3.2 Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA) – Penilaian bagi Sistem Aplikasi bernilai lebih RM 1 juta dan permohonan perolehan projek ICT yang melibatkan perkakasan, perisian, rangkaian dan perkhidmatan bernilai lebih RM 5 juta.

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 2/2020) BERHUBUNG  
PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)**

3.3.3.3 Makmal Pengurusan Nilai (VM Lab) – Bagi projek yang bernilai lebih daripada RM 200 juta Pengecualian VM bagi projek yang bernilai RM 50 juta hingga RM 200 juta mulai 1 Januari 2021 hingga 31 Disember 2021.

**Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap perkembangan di atas. PAC juga mendapatkan makluman tambahan daripada Pegawai Pengawal bahawa enam (6) projek seperti yang dinyatakan oleh MOT yang mendapat kelulusan untuk rundingan penuh telah melalui tatacara yang ditetapkan oleh MOF dalam PP/PK7.15.

**Maklum Balas MOT**

- 3.3.4 MOT menyokong syor syor ini Bagi pengurusan Projek RC dan VEP sedia ada untuk skop OPEX, MOT telah pun mendapatkan kelulusan MOF pada 30 Julai 2021 untuk penyambungan tempoh kontrak selama 2 tahun sebagai tempoh interim sebelum projek ini ditawarkan secara tender terbuka diambil alih oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).
- 3.3.5 Permohonan pelanjutan ini telah melalui proses JPICT peringkat Jabatan, JPICT peringkat Kementerian dan Pra JTISA MAMPU sebelum dikemukakan kepada pihak MOF untuk kelulusan pelanjutan kontrak ini dikecualikan daripada penilaian teknikal JTISA kerana melibatkan skop penyelenggaraan sahaja.

**Ulasan PAC**

PAC mengambil maklum terhadap perkembangan di atas.

*LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN  
TERHADAP TINDAKAN SUSULAN KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA  
BAGI SYOR-SYOR LAPORAN PAC PARLIMEN (DR. 2/2020) BERHUBUNG  
PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC) DAN REKOD KEMASUKAN KENDERAAN ASING (VEP)  
DI BAWAH KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA (MOT)*

#### **4. PENUTUP**

PAC Parlimen mengambil maklum terhadap tindakan susulan yang diambil ke atas syor-syor PAC Parlimen oleh MOF/MOT selaras dengan Perkara 304(b), Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008).

### **JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE 14**

# **LAPORAN PROSIDING**

❖ **Tindakan Susulan Kementerian pada Isnin, 4 Oktober 2021**



MALAYSIA

# LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Isnin, 4 Oktober 2021

## MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Prosiding Mengenai:  
**PROJEK SISTEM KUTIPAN CAJ JALAN (RC)  
DAN REKOD KEMASUKAN  
KENDERAAN ASING (VEP)**

1. **Kementerian Pengangkutan**  
YBhg. Datuk Isham bin Ishak,  
Ketua Setiausaha
2. **Kementerian Kewangan**  
Datin Rashidah binti Mohd Sies,  
Timbalan Pengarah Setiausaha Perbendaharaan  
(Pengurusan)]

PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA  
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1, TINGKAT 2 BLOK UTAMA  
BANGUNAN PARLIMEN, PARLIMEN MALAYSIA  
ISNIN, 4 OKTOBER 2021**

---

**AHLI-AHLI JAWATANKUASA**

**Hadir**

YB. Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] - *Pengerusi*  
YB. Datuk Seri Panglima Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] - *Timbalan Pengerusi*  
YB. Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]  
YB. Puan Wong Shu Qi [Kluang]  
YB. Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]  
YB. Tuan Ahmad Fadhlil bin Shaari [Pasir Mas]  
YB. Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]  
YB. Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]  
YB. Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]

**Tidak Hadir [*Dengan Maaf*]**

YB. Dato' Haji Mohd Fasiah bin Mohd Fakieh [Sabak Bernam]  
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]  
YBrs. Tuan Nizam Mydin bin Bacha Mydin - *Setiausaha*

**URUS SETIA**

Encik Ahmad Johan bin Mohd Affandi [Ketua Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Nurul Nadiha binti Zamani [Penolong Setiausaha Seksyen Jawatankuasa Pilihan, Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat, Parlimen Malaysia]  
Puan Aidahanie binti Baharuddin [Penolong Setiausaha Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Parlimen Malaysia]

**HADIR BERSAMA**

**Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**

Puan Salwa binti Muhamar [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]

**Jabatan Akauntan Negara**

Puan Nadzemah binti Mohd Som [Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi)]

**Unit Perancang Ekonomi**

Encik Ahmad Salwadi bin Salleh [Ketua Penolong Pengarah (Pengangkutan dan Kereta Api)]

**Jabatan Peguam Negara**

Encik Azroul Hisham bin Azulan [Peguam Kanan Persekutuan (Bahagian Penasihat)]

**HADIR BERSAMA (samb/-)****Jabatan Audit Negara**

Encik Mohd Marzuni bin Muhamad [Pengarah Sektor Audit Prestasi (Bahagian Audit Prestasi III)]

**Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)**

Puan Noor Aini binti Ahmad [Timbalan Pengarah Kanan (Perkhidmatan)]

**SAKSI****Kementerian Pengangkutan**

YBhg. Datuk Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha]

Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh [Setiausaha Bahagian (Bahagian Darat)]

Cik Siti Nur Ramizah binti Abd Razak [Pegawai Khas (Pejabat KSU)]

Encik Megat Farizul Ikhawan bin Megat Khushairi [Penolong Setiausaha (Bahagian Darat)]

Encik Arbi bin Suhadat [Penolong Setiausaha (Bahagian Darat)]

Encik Abdullah bin Mohammad [Penolong Pengarah Kanan (Bahagian Perundingan ICT)]

**Kementerian Kewangan**

Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Pengarah Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]

Encik Mohd Sakeri bin Abdul Kadir [Setiausaha Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat]

Datin Setia Nik Roslini binti Raja Ismail [Timbalan Setiausaha Bahagian (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Encik Nik Asyraf bin Mohd Ghazali [Ketua Seksyen (Bahagian Perolehan Kerajaan)]

Puan Azreen binti Awang [Ketua Penolong Setiausaha Unit Kawalan dan Pemantauan]

## **LAPORAN PROSIDING**

### **MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA PARLIMEN KEEMPAT BELAS, PENGGAL KEEMPAT**

**Isnin, 4 Oktober 2021**

**Bilik Jawatankuasa 1, Tingkat 2 Blok Utama, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.43 pagi**

*[Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**Tuan Pengerusi:** *I call the meeting to order,* ya Datuk. Salam sejahtera dan selamat pagi saya ucapan kepada Ahli-ahli PAC sekalian. Saya ucapan selamat datang kepada Ahli-ahli ex-officio yang terdiri daripada AGC, JPA, MOF, Jabatan Akauntan Negara (JAN) dan Unit Perancang Ekonomi. Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat pada pagi ini.

Terlebih dahulu, saya dan Ahli-ahli PAC ingin mengucapkan tahniah kepada Naib Pengurus PAC atas penganugerahan darjah kebesaran Seri Panglima Darjah Kinabalu (SPDK) yang membawa gelaran Datuk Seri Panglima oleh Yang di-Pertua Negeri Sabah pada 2 Oktober 2021 yang lalu.

Pada hari ini jawatankuasa Kira-kira Wang Negara akan mendengar maklum balas daripada MOT berhubung tindakan susulan yang diambil terhadap syor-syor yang dikemukakan dalam laporan PAC mengenai Projek Sistem Kutipan Cukai Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP). Untuk maklumat, semua isu ini adalah antara isu yang paling lama dalam senarai laporan PAC memandangkan ia dilaporkan dalam laporan Ketua Audit Negara LKAN tahun 2017 Siri 2.

PAC memulakan prosiding untuk isu ini pada Februari 2019 pada ketika itu dipengerusikan oleh Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, Menteri Pertahanan dan Industri Makanan sekarang dan jawatankuasa ini selesai menjalankan prosiding selepas mengadakan mesyuarat kelimanya pada Oktober 2019.

PAC Parlimen memulakan prosiding ini dengan memanggil Yang Berbahagia Datuk Mohd Khairul Adib Abd Rahman sekarang Tan Sri Mohd Khairul Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam selaku mantan KSU Kementerian Pengangkutan pada ketika itu. Selepas mendengar penjelasan dan penerangan daripada mantan Menteri Kementerian Pengangkutan Yang Berbahagia Dato' Sri Liow Tiong Lai kemudian Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ismail Bakar mantan Ketua Setiausaha Negara atas kapasitinya sebagai KSU MOT. Diikuti dengan Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng dan akhir sekali Yang Berbahagia Encik Tan Chuan Sen,

Ketua Pegawai Eksekutif CEO Syarikat TCSens Sendirian Berhad vendor yang mendapat projek RC/VEP daripada Kementerian Pengangkutan.

Hadir di hadapan PAC pada pagi ini adalah Yang Berbahagia Datin Rashidah binti Mohd Sies, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan yang mewakili KSP dan Yang Berhormat Berbahagia Datuk Isham bin Ishak, KSU MOT. Terima kasih kepada kedua-dua saksi utama yang hadir sekali lagi di hadapan PAC pada hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada MOT kerana telah memberikan laporan interim tindakkan susulan untuk RC/VEP ini yang telah diterima oleh pihak sekretariat pada 21 Disember 2020. Sebelum saya menjemput Yang Berbahagia Datin Rashidah untuk memulakan pembentangan ingin saya maklumkan kepada ahli-ahli mesyuarat sekalian bahawa mesyuarat ini akan ditempohkan kira-kira untuk masa 45 minit ataupun sejam pada lebih kurang jam 11.10 pagi nanti untuk membolehkan saya dan juga Yang Berhormat Datuk Seri Panglima, Naib Pengerusi masuk ke Dewan untuk bertanya soalan kesembilan dan ke-10.

Jadi, tanpa membuang masa saya menjemput Yang Berbahagia Datin Rashidah untuk memulakan pembentangan pada pagi ini. Dipersilakan, Datin.

**Datin Rashidah binti Mohd Sies [Timbalan Pengarah Setiausaha Perbendaharaan (Pengurusan)]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan semua Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Yang Berbahagia Datuk Isham bin Ishak Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, Encik Wan Mohd Asraf bin Wan Salleh Setiausaha Bahagian Darat Kementerian Pengangkutan dan juga Yang Berhormat Berbahagia Datin Setia Nik Roslini binti Raja Ismail Timbalan Setiausaha Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan serta pegawai-pegawai ex-officio PAC Parlimen.

Sebagaimana yang kita tahu pengurusan Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) oleh Kementerian Pengangkutan telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2017 Siri 2. Susulan daripada itu, Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Parlimen telah membawa isu ini ke prosiding PAC Parlimen sebanyak lima kali antara 20 Februari 2019 sehingga 23 Oktober 2019 iaitu dalam prosiding Bil. 4/2019, 7/2019, 8/2019, 32/2019, dan 39/2019.

Setelah selesai sesi prosiding, PAC Parlimen telah mengemukakan tiga syor dan berkehendakkan tindakan susulan diambil oleh Pegawai Pengawal MOT selaras dengan Arahan Perbendaharaan (AP) 304(b). Untuk makluman Ahli-ahli PAC

Parlimen, MOF telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai-pegawai Pengawal MOT ke Atas Syor-syor PAC bagi Prosiding DR2/2020 iaitu Pengurusan Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) kepada Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara pada 19 Ogos 2021.

Sehubungan itu, pada hari ini MOF bersama MOT akan menyampaikan taklimat ringkas kepada Ahli-ahli PAC berhubung tindakan susulan yang diambil oleh MOT berhubung isu ini. Izinkan saya menjemput seterusnya Yang Berbahagia Datuk Isham bin Ishak Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan untuk menyampaikan taklimat seterusnya. Silakan.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dipersilakan Datuk KSU.

**Datuk Isham bin Ishak [Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan]:**

Terima kasih Datin Rashidah, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh selaku Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara dan juga Yang Berhormat Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC). Selamat pagi, salam sejahtera dan selamat berjumpa lagi.

Pada pagi ini, saya akan membentangkan maklum balas tindakan Pegawai Pengawal Kementerian Pengangkutan ke atas syor-syor yang telah di ambil oleh MOT berhubung dengan isu yang telah dibangkitkan daripada siasatan lanjutan dan juga cadangan-cadangan yang perlu diambil di dalam Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP).

#### ■1050

*Okay, next. So pembentangan saya akan berada dalam— dibentangkan dalam tiga iaitu tujuan, latar belakang dan juga pembentangan maklum balas syor-syor oleh PAC yang telah diambil oleh MOT. Next.*

Jadi untuk makluman Projek Sistem Kutipan Caj Jalan (RC) dan Rekod Kemasukan Kenderaan Asing (VEP) ini adalah dilaksanakan oleh MOT dan telah dilaporkan seperti mana yang dibentangkan oleh Yang Berbahagia Datin Rashidah iaitu dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2017 Siri 2.

Seterusnya, lanjutan daripada laporan tersebut telah dibentangkan di Parlimen pada 3 Disember 2018 dan Jawatankuasa Kira-kira Negara telah memutuskan untuk membentangkan dan membincangkan mengenai isu ini dalam lima prosiding antara Februari 2019 hingga Oktober 2019. Saya adalah KSU yang ketiga yang hadir untuk membuat pembentangan dan cuba untuk menjawab segala apa yang masih lagi belum dapat diselesaikan. Saya akan cuba, Yang Berhormat.

Seterusnya, surat PAC iaitu rujukan PAR/PAC 3/25 bertarikh 24 November 2020 telah memohon supaya maklum balas tindakan interim diambil dan juga telah diambil oleh kementerian terhadap syor-syor yang telah dikemukakan PAC dan perkara ini juga telah kami lengkapkan.

Seterusnya, Kementerian Pengangkutan telah seperti mana Yang Berhormat maklumkan kita telah sampaikan pada 21 Disember 2020 dan Kementerian Kewangan melalui suratnya rujukan MOF BSK(R) bertarikh 19 Ogos 2021 telah mengemukakan Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal MOT ke Atas Syor-syor PAC bagi Prosiding DR2/2020. Jadi, apa yang saya ingin maklumkan ialah apa-apa syor tindakan yang perlu diambil telah kami laksanakan, siapkan dan sampaikan kepada jawatankuasa ini seperti mana yang telah dipohon. *Next slide.*

Jadi, Laporan Tindakan Susulan Pegawai Pengawal ke Atas Syor-syor untuk sebagai rumusanlah dan untuk merangkul semula perkara yang telah dimaklumkan. Pertama ialah isu yang telah dibangkitkan ialah tiada justifikasi kukuh untuk membolehkan projek sistem RC/VEP ini dilaksanakan secara rundingan terus. Itu adalah perkara pertama.

Perkara kedua ialah pelaksanaan proses perolehan secara rundingan terus untuk projek ini gagal menepati tujuan asal iaitu berhubung kesegeraan pelaksanaan projek yang dikehendaki kerajaan. Itu ialah perkara kedua yang telah dibangkitkan dan perkara ketiga ialah pemilihan syarikat iaitu syarikat TCSens telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri MOT kepada Yang Berhormat Amat Berhormat Perdana Menteri ketika itu tanpa penilaian yang menyeluruh dan mendalam berkenaan dengan keupayaan syarikat tersebut sama ada daripada segi kewangan ataupun teknikal.

Keempat pula ialah wujudnya pengaruh politik dalam pelantikan kontraktor ataupun vendor untuk projek ini dan kelima ialah terdapat beberapa kelemahan antaranya ialah lewat menandatangani kontrak, pembayaran dibuat sebelum FAT disempurnakan dan akhir sekali ialah lantikan pihak ketiga dalam pelaksanaan sistem RC/VEP ini tanpa kelulusan kementerian.

Akhir sekali, isu yang telah dibangkitkan ialah projek sistem RC/VEP ini telah lewat disiapkan sebanyak tiga EOT telah dikeluarkan atas sebab-sebab keperluan daripada segi integrasi sistem tersebut. Ditambah pula kontraktor selaku vendor itu bukanlah *solution provider* yang kompeten yang telah menyebabkan kelewatan dalam perkara tersebut. Seterusnya, *next slide please.*

Seterusnya mengenai isu-isu ini dan tindakan siapakah yang telah mengambil tindakan. Perkara pertama ialah Kementerian Kewangan (MOF) pada masa hadapan perlu memastikan semua keputusan rundingan tengah adalah disokong dengan justifikasi yang kukuh dan agensi penguat kuasa SPRM dalam hal ini memberi perhatian berkenaan dengan rumusan-rumusan di atas. Ini adalah tindakan oleh MOF dan juga SPRM.

Seterusnya, Ahli Parlimen perlu mengisyiharkan kepentingan perniagaan supaya tidak berlaku *conflict of interest* dan ini adalah tindakan oleh MOF.

Seterusnya, kerajaan perlu memastikan tiada lagi sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana projek yang sepatutnya melalui proses *value management* di peringkat kementerian termasuk dalam isu ini ialah Makmal Pengurusan Nilai dan Penilaian Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) di MAMPU dan ini adalah perkara di bawah tindakan MOF, EPU dan juga MAMPU.

Seterusnya secara mendalam untuk makluman berhubung dengan Kementerian Kewangan untuk memastikan kesemua keputusan rundingan terus adalah disokong dengan justifikasi yang kukuh. Jadi, tindakan-tindakan yang diambil dalam perkara ini ialah MOF telah meluluskan permohonan MOT untuk perolehan secara tender terbuka. Memang secara asalnya pada tahun 2014 memang kita perlu membuat perolehan untuk projek ini melalui tender terbuka (RFP). Akan tetapi pada tahun 2015 iaitu Mac 2007, MJM juga memutuskan supaya pelaksanaan dibuat secara tender terbuka. Perkara ini sangat jelas.

Pada 24 Jun 2015, MOT mengemukakan permohonan untuk rundingan terus melalui surat mantan Yang Berhormat Menteri kepada mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Jadi, sebelum ini memang kita perlu buat RFP secara tender terbuka tetapi pada 24 Jun 2015 telah ada surat untuk membuat *direct nego* daripada mantan Yang Berhormat Menteri kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Pada Julai 2015, MOF telah mengangkat perkara ini untuk pertimbangan yang Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan. Jadi, MOT tidak meluluskan *direct nego*. Hanya MOF yang meluluskan. MOT hanya memperakuan permohonan kepada MOF. Pada 22 Julai 2015, pula permohonan runding terus telah diluluskan oleh MOF. Jadi, MOF juga telah memberi komitmen untuk memastikan permohonan pengecualian dari tatacara perolehan secara terus ini adalah berdasarkan kriteria ditetapkan dalam Garis Panduan Permohonan Perolehan Secara Runding Terus (PP/PK 7.15). So, memang rundingan terus ini dibenarkan dan ada Pekeliling Khas iaitu PP/PK 7.15 dan perkara ini adalah yang perlu diikuti oleh kementerian dalam proses-proses yang selanjutnya.

Seterusnya...

**Tuan Pengerusi:** Datuk, so di sini saya hendak tanyakan kepada Datin, ya. So, ini adalah ulasan daripada MOF yang mana MOF memberikan komitmen, kan?

**Datin Rashidah binti Mohd Sies:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Ini disebabkan saya hendak lebih jelas sebab jika tidak nanti pembaca laporan kita mereka ingat dalam kes ini pun ia adalah mengikut tatacara. So, ini merupakan komitmen daripada MOF lah? Okey. So, sama ada komitmen-komitmen sebegini ada disampaikan kepada Yang Berhormat Menteri-menteri yang bertanggungjawab tidak? Dalam isu ini sudah tentunya Yang

Berhormat Menteri Pengangkutan dan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan. So, ulasan ini ada disampaikan kepada kedua-dua Yang Berhormat Menteri ke tidak? Ya, Datuk dan Datin.

**Datin Rashidah binti Mohd Sies:** Saya kemukakan— bagi rundingan terus memang ada pekeliling yang membenarkan rundingan terus dilaksanakan mengikut beberapa kriteria. Dalam hal ini, kita telah mengambil tindakan dan juga ulasan-ulasan telah diberikan sebelum *recommendation* kepada *Minister* untuk mempertimbangkan supaya pelaksanaan dilaksanakan secara rundingan terus. Mengambil kira kesegeraan projek ini, jadi kita telah memberi syor supaya projek ini diluluskan secara rundingan terus. Mungkin saya punya timbalan daripada Bahagian Perolehan Kerajaan boleh memberikan ulasan yang lebih lanjut, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Ya, dipersilakan.

**Datin Setia Nik Roslini binti Raja Ismail [Timbalan Setiausaha (Bahagian Perolehan Kerajaan), Kementerian Kewangan]:** Terima kasih, Datin dan Tuan Pengerusi. Untuk menambah apa yang Datin Rashidah sebutkan tadi...

**Tuan Pengerusi:** Maaf, ya. Nama dan juga jawatan.

**Datin Setia Nik Roslini binti Raja Ismail:** Saya Datin Setia Nik Roslini binti Raja Ismail, Timbalan Setiausaha Bahagian Sektor Dasar, Bahagian Perolehan Kerajaan Kementerian Kewangan. Okey, terima kasih Yang Berhormat.

Untuk soalan Yang Berhormat mengenai sama ada perkara ini telah disalurkan ataupun dimaklumkan secara khusus kepada Yang Berhormat Menteri-menteri, mungkin secara khusus tidak tetapi pada November 2020 kita ada membentangkan satu memorandum mengenai beberapa perkara mengenai perolehan kerajaan.

Di dalam memorandum itu, memang kita turut menyebut bahawa rundingan terus ini bukanlah satu kaedah tetapi sebaliknya merupakan satu pengecualian kepada kaedah perolehan kerajaan di mana kita sentiasa menekankan kepada agensi-agensi untuk membuat perancangan perolehan tahunan dengan teratur supaya sebut harga dan tender boleh ditawarkan bagi mencapai prinsip-prinsip perolehan kerajaan termasuk nilai faedah terbaik, persaingan terbuka dan sebagainya.

Jadi, dalam konteks itu memang kita telah berkongsi dengan Yang Berhormat Menteri-menteri mengenai juga kriteria-kriteria yang kita hanya membenarkan rundingan terus di mana kita nyatakan dengan jelas dalam PK 7.15 itu iaitu penyeragaman, satu punca bekalan dan sebagainya. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Itu pada bulan November 2020. Okey, dari MOT Datuk.

**■1100**

**Datuk Isham bin Ishak:** Tuan Pengerusi, selaku pegawai pengawal, tanggungjawab saya ialah untuk menasihati Yang Berhormat Menteri agar perkara-perkara yang melibatkan projek, terutamanya dalam rundingan terus, perlu mengikuti seperti mana yang tertera dalam PP/PK7.15 ini. *Alhamdulillah*, Yang Berhormat Menteri saya adalah seorang Yang Berhormat Menteri yang berpengalaman dan beliau memang arif mengenai perkara PP/PK7.15 ini. Dalam pengalaman saya mengendalikan projek-projek ini, kita boleh buat rundingan terus. Ada lima perkara ataupun lima situasi di mana kita boleh membuat rundingan terus. Kalau ia menepati syarat-syarat tersebut, maka MoT boleh membuat perakuan kepada MoF mengikut PP/PK7.15 ini. Antaranya ialah kesegeraan daripada segi kepentingan awam iaitu benda ini perlu dibuat dengan cepat atas keadaan-keadaan yang tertentu.

Perkara kedua ialah penyeragaman iaitu apabila sesuatu projek itu telah dilaksanakan dan kita hendak seragamkan sistem-sistem ataupun barang yang telah sedia ada supaya memastikan ia sama dan hanya syarikat tersebut yang telah melakukan projek yang terdahulu itu dapat menyeragamkan keadaan ataupun barang-barang ataupun perkhidmatan yang sama pada keadaan tersebut. Kedua ialah pembelian khusus, di mana sekiranya hanya satu sahaja syarikat yang membekalkan barang tersebut, boleh dibuat rundingan terus. Keempat, melibatkan keselamatan negara. Akhir sekali Tuan Pengerusi, bagi barang tertentu yang mana terdapat satu atau dua pembuat Bumiputera sahaja. Jadi, kita boleh membuat rundingan tersebut. Jadi, lima perkara ini ataupun *condition* yang perlu di *fulfill* mengikut PP/PK7.15 sebelum kita bawa kepada MoF, kita akan perakuan dan membuat penilaian terdahulu.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berbahagia Datuk atas penjelasan. Boleh Datuk jelaskan atau huraikan kepada PAC, mungkin dalam satu tahun yang lepas, pihak MoT ada apa-apa kontrak yang signifikan yang dilaksanakan secara rundingan terus. Oleh sebab apa? Apabila kita nampak dan kita perhatikan kontrak RC dan VEP ini, memang sesuatu yang amat serius. Ini PAC mengambil maklum semasa prosiding dan juga penyediaan laporan. Kita mahu memastikan bahawa segala projek ataupun kontrak rundingan terus mematuhi kesemua peruntukan ataupun syarat-syarat yang dinyatakan. So, rundingan terus bagi PAC, kita faham. Bukan sesuatu yang salah tetapi ia harus mengikuti dan memenuhi syarat-syarat. Kita faham perkara itu. So, dalam satu tahun yang lepas, ada apa-apa kontrak ataupun projek yang signifikan yang telah pun rundingan terus dilaksanakan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Yang Berhormat Menteri MoT pada masa ini mempunyai lebih kurang 96 projek di bawah MoT sekarang yang bernilai lebih kurang RM4.6 bilion.

**Tuan Pengerusi:** [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] RM4.6 bilion?

**Datuk Isham bin Ishak:** Yes. Dari tahun 2020 sehingga Ogos 2021, MoT telah memohon untuk mendapat kelulusan daripada MoF iaitu enam buah projek yang telah mendapat kelulusan untuk projek *direct negotiation*, Tuan Pengerusi. Saya boleh senaraikanlah.

**Tuan Pengerusi:** Boleh senaraikan sekarang atau *later*?

**Datuk Isham bin Ishak:** Boleh.

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Isham bin Ishak:** Pertama sekali ialah projek iaitu *design, manufacture, delivery, testing, commissioning of 10 sets - six cars sets*, iaitu satu set ada enam buah kenderaan kereta api, *Intercity Multiple Unit (EMU)* dan nilai projek adalah lebih kurang RM456 juta. Projek ini telah dimohon untuk dibuat secara rundingan terus. Seterusnya ialah *Translation of MH370 Air Accident Investigation Report*. Itu pun kita mohon untuk rundingan terus dan nilainya ialah USD25 ribu. Seterusnya ialah Perkhidmatan Profesional Pengesanan Tiada Kapal Malaysia Dalam Persatuan Pemilik Kapal Malaysia (MASA). Ini adalah lebih berkaitan dengan pelaksanaan Dasar Kaboutaj Negara. Sebelum kita meluluskan lesen kapal, kita kena pastikan bahawa syarikat memberi penekanan kepada syarikat dalam negara dahulu.

Seterusnya, nombor empat adalah *Electronic Delivery of Vehicle Registration (Driver and Vehicle Licensing and Payment of Summon Services)* ataupun e-Khidmat. Seterusnya, nombor lima ialah Projek *Maintenance, Repair, and Overhaul (MRO) Level 4* bagi 10 set sedia ada kereta api ETS Kelas 93 bernilai RM162 juta. Akhir sekali ialah Projek *Maintenance, Repair, and Overhaul (MRO) Level 4* bagi 35 set *six car sets LCS* ataupun komuter yang bernilai RM537 juta. Itulah enam projek yang telah diperakukan oleh MoT untuk *direct negotiation*, Tuan Pengerusi. Itu sahaja.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Datuk. Berkenaan dengan projek e-Khidmat, berapakah harganya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Untuk e-Khidmat, cajnya adalah berdasarkan caj perkhidmatan bagi perkhidmatan e-Khidmat secara dalam talian tidak melebihi 0.8 peratus. *So, that is the kadarlah, kos projek.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih. Amat jelas. Okey. Jika tidak ada soalan lain, kita teruskan Datuk.

**Datuk Isham bin Ishak:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Next slide please.* [Merujuk kepada pembentangan *slaid*]. Seterusnya daripada segi laporan tindakan susulan. Kes ini juga telah dirujuk kepada SPRM dan Bahagian Siasatan. Dua fail

penyiasatan telah dibuka pada tahun 2019 dan hasil siasatan juga tidak membuktikan kes ini di peringkat *prima facie* dan berkeputusan *no further action*. Seterusnya ialah Kementerian Pengangkutan sendiri, MoT akan memastikan setiap permohonan yang melibatkan rundingan terus akan dinilai, itu yang pertama dan juga mesti mempunyai justifikasi yang kukuh seperti mana yang telah diperuntukkan. Juga, yang telah saya *explain* tadi dalam PP/PK7.15 sebelum kita mohon kepada MoF untuk kelulusan. Next...

**Tuan Pengerusi:** Okey. Terima kasih Datuk. Berkenna dengan SPRM, boleh saya minta ulasan daripada SPRM? Sila.

**Puan Salwa binti Muhamar [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya Salwa, SPRM. Untuk makluman berdasarkan maklum balas yang diberikan tadi, memang SPRM telah membuka tiga siasatan. Dua siasatan pada tahun 2019 yang mana kedua-duanya berakhir dengan *no further action*. Untuk makluman Tuan Pengerusi, dua siasatan ini adalah di peringkat kertas penyiasatan awal iaitu kita hendak sahkan maklumat. Siasatan dibuka atas seksyen 18, Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Akta ini adalah berkaitan dengan tuntutan palsu. Kalau berdasarkan maklumat, tuntutan palsu ini, berdasarkan Laporan Audit, dikatakan dibuat oleh syarikat TC Sens inilah. Bukti yang didapati daripada kertas penyiasatan awal mendapati tidak ada perlakuan ataupun perbuatan tuntutan palsu.

Pada tahun 2021, kita membuka satu lagi kertas siasatan tetapi atas seksyen kesalahan yang lain iaitu seksyen 168, Kanun Keseksaan. Kalau hendak lebih *detail*, seksyen 168 ini adalah berkaitan dengan penjawat awam mengambil bahagian dalam perniagaan dengan menyalahi undang-undang. Siasatan memfokuskan kepada Yang Berhormat Tanjong Piai, mantan dan kertas penyiasatan awal ini masih dalam siasatan sehingga tarikh hari ini. Sekian.

**Tuan Pengerusi:** *That means* masih berlangsunglah?

**Puan Salwa binti Muhamar:** Ya. Untuk yang siasatan seksyen 168, masih berlangsung.

**Tuan Pengerusi:** Kebiasaannya berapa lama akan diambil oleh SPRM untuk menyelesaikan siasatan?

**Puan Salwa binti Muhamar:** Ia bergantung, Tuan Pengerusi. Ia tidak ada satu tempoh. Ia bergantung pada keadaan kes lahir. Jadi, untuk kes yang ini, dibuka pada hujung Mac. Saya fikir kalau kes ini *complicated* ataupun ia bergantung- saya tidak dapat hendak beri satu tarikh yang tepat untuk kes yang ini. Mungkin saya boleh...

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Tuan Pengerusi, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Hujung Mac tahun 2021?

**Puan Salwa binti Muhamram:** Ya. Tahun ini.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Selepas awak – Ya. Mana? Ya, sila.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari:** Boleh saya minta – Yang Berhormat Tanjong Piai itu boleh nyatakan nama tidak? Saya takut salah sangka.

**Puan Salwa binti Muhamram:** Yang Berhormat Tanjong Piai sebagaimana dalam makluman ini ialah Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, Ahli Parlimen Tanjong Piai dahulu ya.

**Tuan Pengerusi:** Dan sekarang, dan sekarang.

**Puan Salwa binti Muhamram:** Ya dan sekarang.

**Tuan Pengerusi:** Puan, saya hendak tanya. Sini, perkataan atau terminologi yang digunakan pada tahun 2019 ialah fail siasatan. Selepas itu, tahun 2021 ialah fail pemeriksaan dan perundingan. Apa bezanya? Boleh jelaskan kepada pihak PAC?

**Puan Salwa binti Muhamram:** Boleh Tuan Pengerusi. Tadi saya sebutkan tiga ya. Ketiga-tiga itu kertas penyiasatan awal. Satu lagi ialah kertas sampul kecil pemeriksaan yang dilaksanakan di bahagian yang lain. Bahagian Pemeriksaan dan Perundingan yang mana fokus kita adalah melihat kepada kelemahan sistem dan prosedur. Kita tidak melihat elemen jenayah. Untuk kertas pemeriksaan dan perundingan ini yang kita buka juga, penemuan kita adalah selari dengan dapatan PAC. Hasil daripada kertas pemeriksaan ini, kita telah mengemukakan surat nasihat kepada MoT dengan syor-syor yang selarilah dengan PAC.

## ■1110

**Tuan Pengerusi:** So, maksudnya, tiga fail siasatan. Dua antaranya dalam tahun 2019, sudah NFA. Akan tetapi, di bawah seksyen 18 dan penyiasatan baharu dalam tahun 2021, mulai Mac 2021, di bawah seksyen 168, masih sedang disiasat dan satu lagi fail pemeriksaan dan rundingan *lah?* Okey, faham.

**Puan Salwa binti Muhamram:** Ya.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Ada soalan lain ahli-ahli sekalian? Okey, jika tidak ada, kita pukul 11.10 pagi ya – Okey. Kita move ke perenggan yang kedua Yang Berbahagia Datuk.

**Datuk Isham bin Ishak:** Boleh terus Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi:** Ya, sila.

**Datuk Isham bin Ishak:** Okey, terima kasih. *Next slide please.* [Merujuk kepada pembentangan *slaid*]. Seterusnya ialah soalan mengenai iaitu isunya Ahli Parlimen yang perlu mengisyiharkan kepentingan perniagaan kepada kementerian sekiranya perniagaan tersebut yang membabitkan projek kerajaan. Jadi, maklum

balasnya selaras dengan inisiatif 3.2.11 Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2025.

MoF telah ataupun sedang melaksanakan kajian untuk mewajibkan pengisytiharan pemunya *beneficial (beneficial ownership (BO))* oleh petender syarikat yang dianugerahkan kontrak perolehan kerajaan. Ini adalah berdasarkan garis panduan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Jadi, pelaksanaan inisiatif ini diharapkan dapat menyelesaikan isu-isu ketelusan Tuan Pengerusi.

Seterusnya, maklum balas daripada kementerian Pengangkutan pula, MoT sangat menyokong usaha ini bagi meningkatkan ketelusanlah bagi proses-proses perolehan kerajaan yang akan datang. MoT juga telah mengadakan pelan anti rasuahnya sendiri iaitu Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) Kementerian Pengangkutan 2020-2025 yang telah siap dan juga telah menggariskan strategi bagi menangani campur tangan politik daripada pihak luar.

Antara inisiatif yang telah kita laksanakan adalah pembangunan polisi bagi melarang penggunaan surat sokongan ahli politik ataupun yang berpengaruh dalam urusan kementerian. Ini sangat penting dan pada pandangan saya sangat bergunalah untuk saya dalam melaksanakan tugas-tugas saya. Seterusnya...

**Tuan Pengerusi:** So, Yang Berbahagia Datuk, polisi ini dimulakan bila ya oleh MoT khasnya penggunaan surat sokongan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, ia termasuk dalam OACP yang telah dibangunkan oleh MoT yang kita telah lancarkan pada tahun ini Yang Berhormat. So, *it is official and it is written.*

**Tuan Pengerusi:** Okey, terima kasih.

**Datuk Isham bin Ishak:** Next one. So, isu ketiga ialah kerajaan perlu pastikan tiada lagi sebarang pengecualian diberikan kepada mana-mana projek yang sepatutnya melalui proses penilaian ataupun menerusi jawatankuasa di peringkat kementerian termasuk Makmal Pengurusan Nilai dan Penilaian Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) MAMPU. Jadi, Kementerian Kewangan (MoF) mengambil maklum bahawa pengecualian telah diputuskan dalam mesyuarat MJM bertarikh 2 September 2015 dan supaya pelaksanaan sistem dimulakan mulai 1 Oktober 2015.

MoF juga ambil maklum akan pengesyoran yang diberikan oleh PAC ya. So, *they take all instance on PAC's recommendation* dan akan memastikan agar setiap pertimbangan pengecualian masih lagi mengambil kira elemen tadbir urus baik (*good governance practices*) serta mematuhi prinsip-prinsip perolehan kerajaan. Apa yang penting ialah akauntabiliti, diuruskan dengan telus dan memberi nilai faedah yang terbaik, persaingan terbuka, adil dan saksama. So, *that is from MoF.*

EPU pula secara dasarnya, EPU mengambil maklum bahawa proses penilaian program-program mestilah melalui satu jawatankuasa peringkat

kementerian dan sangat penting bagi memastikan pelaburan kerajaan dalam setiap program-program ini mencapai *value-for-money* serta objektif dan *outcome* yang telah ditetapkan.

Seterusnya untuk MAMPU pula. MAMPU bersetuju bahawa Projek ICT Sektor Awam perlu melalui tiga proses iaitu mesti melalui:

- (i) Jawatankuasa Pemandu ICT Kementerian (JPICT);
- (ii) Jawatankuasa Teknikal ICT Sektor Awam (JTISA); dan  
mesti melaksanakan
- (iii) Makmal Pengurusan Nilai (*Value Management Lab*)  
untuk projek-projek bernilai lebih RM200 juta.

Kementerian Pengangkutan pula, kita sangat menyokong syor-syor bagi pengurusan projek RC dan VEP sedia ada untuk skop OPEX. MoT telah pun mendapat kelulusan Kementerian Kewangan pada 30 Julai 2021 untuk penyambungan tempoh kontrak selama dua tahun secara interim sebelum projek ini dibuka untuk tender terbuka ataupun diambil alih oleh JPJ *lah*.

Permohonan lanjutan ini perlulah melalui proses JPICT peringkat jabatan yang mana telah melalui JPICT peringkat kementerian dan pra JTISA MAMPU sebelum dikemukakan kepada MoF. Perkara ini sedang dilaksanakan dan perlanjutan kontrak ini dikecualikan daripada penilaian teknikal JTISA kerana melibatkan skop penyelenggaraan saja. *It is just maintenance saja. So, sebab itu kita diberi pengecualian daripada penilaian teknikal.* Seterusnya. Itu saja Tuan Pengerusi bagi maklum balas mengenai perkara-perkara yang telah diambil tindakan oleh MoT ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Okey. Untuk MoT, untuk pembentangan MoT, ada apa-apa soalan ataupun penjelasan yang diperlukan?

**Puan Wong Shu Qi [Kluang]:** Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi:** Ya. Sebelum itu Yang Berhormat Kluang, saya hendak check dengan pihak MoF. Ada slaid bentang tidak atau sudah habis?

**Seorang Ahli:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]* Tidak ada.

**Tuan Pengerusi:** Tidak ada ya? Okey, jika tidak ada, *that is means* pembentangan dari MoT dengan MoF sudah pun selesai subjek kepada soalan-soalan. Seperti yang dinyatakan oleh saya tadi, saya ada satu soalan di dalam Main Chamber pada pukul 11.20 pagi. So, saya kena masuk. Saya minta Yang Berhormat Permatang Pauh untuk mengambil alih untuk seketika dan teruskan dengan pembentangan pada pagi ini. So, sila Yang Berhormat.

**Puan Wong Shu Qi:** Ya, boleh? Terima kasih. Yang Berbahagia Datuk, minta tanya, kerana tadi ada sebut enam buah projek yang dibuat secara rundingan terus selepas PAC melakukan siasatan terhadap RC dan VEP ini. So, antara enam kes

tersebut, khasnya e-Khidmat *lah*, ada melalui semua proses yang dinyatakan Yang Berbahagia Datuk tadi tidak?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, seperti mana yang saya jelaskan sebelum ini, apa-apa pun proses kita akan ikuti dengan sepenuhnya tatacara yang telah ditetapkan oleh MoF dalam PP/PK7.15 dan juga disokong oleh pelan antirasuah Kementerian yang telah diluluskan dan telah di-*announce-lah*. So, kita telah mengikuti proses-proses tersebut Yang Berhormat.

*[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]*

**Puan Nurul Izzah binti Anwar [Permatang Pauh]:** Ada siapa-siapa lagi yang hendak tanya soalan? Yang Berhormat Lumut?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Tuan Pengurus, saya ingin merujuk pada slaid yang menggambarkan – Nombor berapa ya? Cuba undur balik, yang ada tarikh-tarikh kelulusan-kelulusan tadi itu. Okey.

**Datuk Isham bin Ishak:** Baik. Ini *kah*?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Ya, ya. Keputusan asalnya dibuat oleh MJM ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Betul Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Akan tetapi, keputusan rundingan terus ini diluluskan oleh MJM juga *kah* atau memang prosedur yang tidak perlu melalui MJM?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ia tidak perlu melalui MJM sebab kuasa kelulusan adalah di Kementerian Kewangan.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Okey. Menteri Kewangan *lah* ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Cuma, pada 24 Jun itu, MoT mengemukakan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ya? Bukan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan?

**Datuk Isham bin Ishak:** Ya, betul.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Mereka orang yang sama ya?

**Datuk Isham bin Ishak:** Orang yang sama Yang Berhormat.

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli:** Okey. Terima kasih.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Terima kasih Yang Berhormat Lumut. Boleh saya tanya juga. Susulannya, kalau lah Yang Berhormat Menteri Kewangan dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri orang berlainan, jadi *technically will this also apply?*

**Datuk Isham bin Ishak:** Sepatutnya, kita hanya hantar kepada Kementerian Kewanganlah. Itu adalah *normal process*.

**Puan Wong Shu Qi:** Tuan Pengurus. Yang Berbahagia Datuk, jadi setakat sekarang, pernah tidak, pihak Yang Berbahagia Datuk menerima apa-apa surat sokongan lagi tidak daripada ahli politik?

**Datuk Isham bin Ishak:** Setakat ini, sokongan tidak ada. Surat sokongan tiada.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Sebelum saya panggil untuk soalan terakhir ataupun tidak ada, isu surat sokongan ini agak pentinglah kerana peringkat PAC, kami sudah berkali-kali melihat surat sokongan yang akhirnya mengakibatkan projek-projek yang sepatutnya tidak diluluskan, diberikan pemanjangan. So, kenalah diambil kira dengan garis panduan ya dan segala pengenalan.

Baik, saya rasa kalau setakat itu tidak ada soalan ataupun ada soalan terakhir, kita akan berakhiri. Untuk mengakhiri sesi ini, bersama dengan Yang Berbahagia Datuk KSU daripada MoT dan MoF tetapi saya minta kesemua anggota PAC, tidak boleh lari lagi. Kita ada sesi verifikasi untuk projek PRIMA. Baik, terima kasih banyak. Terima kasih datang.

**Datuk Isham bin Ishak:** Terima kasih Tuan Pengurus.

**Datin Rashidah binti Mohd Sies:** Terima kasih Tuan Pengurus.

**Puan Nurul Izzah binti Anwar:** Ya.

*[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 11.20 pagi]*

